

## **Usul ucapan Mahathir di PBB dijadikan kerangka asas dasar luar Negara**

**Malaysiakini**

**15 Oktober 2018**

DEWAN RAKYAT I Kementerian Luar hari ini mengemukakan usul agar ucapan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) Ke-73 (UNGA) di New York, 28 Sept lalu dijadikan sebagai kerangka asas dasar luar Malaysia.

Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah juga mengusulkan agar Dewan Rakyat bersetuju dengan hala tuju dasar luar Malaysia seperti yang dinyatakan dalam ucapan perdana menteri pada perhimpunan PBB itu.

Usul berkenaan disokong Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub.

Ketika mengemukakan usul berkenaan, Saifuddin berkata ucapan perdana menteri itu menggariskan antara lain kedudukan dan dasar luar negara yang berteraskan prinsip-prinsip seperti tidak berpihak kepada mana-mana kuasa, berkecuali dan mengamalkan falsafah "memakmurkan jiran".

"Perdana menteri juga memberi penekanan kepada hubungan Malaysia dengan

kuasa-kuasa besar dunia, di samping isu-isu lain seperti situasi di Palestin, nasib orang Islam di Rakhine dan perang dagangan antara negara-negara kuasa ekonomi," katanya pada persidangan Dewan Rakyat, hari ini.

Selain itu, Saifuddin berkata Dr Mahathir juga menyatakan kepentingan PBB sebagai satu platform utama bagi menyelesaikan isu-isu sejagat dan menyuarakan harapan agar PBB terus memainkan peranan utamanya dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa.

"Ucapan perdana menteri telahpun menggariskan matlamat dan rancangan dasar luar Malaysia Baharu bagi menyokong kelestarian perkembangan ekonomi, politik dan sosial di dalam negara kita sendiri," jelasnya, dan menambah kata bahawa mesyuarat Kabinet pada 3 Okt lepas memutuskan untuk membawa usul berkenaan ke Dewan Rakyat.

Saifuddin berkata usul itu dikemukakan bagi membolehkan kerajaan mendapatkan input, pandangan dan maklum balas daripada kalangan anggota Dewan Rakyat memandangkan kerajaan perlu mempunyai sebuah kerangka dasar luar sedangkan jawatankuasa pemilih tentang dasar luar negara masih belum dibentuk dan Parlimen baharu masih belum mempunyai kaukus dalam kalangan Anggota Parlimen berkaitan hubungan luar negara.

"Kami cadangkan supaya kerangka dasar luar Malaysia ini terdiri daripada empat

komponen utama, iaitu garis-garis besar haluan dasar luar negeri yang sebahagian besarnya telah diungkapkan dalam ucapan perdana menteri di PBB, memperkasa kementerian luar negeri, mempereratkan kerjasama antara agensi dan meningkatkan partisipasi rakyat," katanya.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malysiakini.com/news/447412>